

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Office:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T	+603 7652 3388
F	+603 7957 1562
E	customerservice@mcis.my
W	www.mcis.my

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil EzyProtect. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am dalam dokumen polisi.	EZYPROTECT
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

EzyProtect ialah pelan Tempoh Boleh Diperbaharui Tahunan (YRT) tanpa penyertaan yang tidak memerlukan pengunderitan perubatan dan menyediakan perlindungan insurans kepada Hayat yang Diinsuranskan sehingga umur 80 tahun (umur pada hari jadi seterusnya). Pelan ini membayar manfaat sekali gus sekiranya Hayat yang Diinsuranskan mengalami kematian akibat bukan kemalangan atau kematian akibat kemalangan.

Pelan ini juga menawarkan manfaat Perbelanjaan pengebumian yang akan dibayar apabila Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia. Pelan ini akan diperbaharui secara automatik setiap tahun.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA): RM 100,000

Pelan ini melindungi:

Manfaat-manfaat	Peratus BSA ³
Manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan¹ (sekiranya Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia pada Tahun Polisi ke-2 dan selanjutnya)	100% daripada BSA atau Jumlah Premium Dibayar (TPP) tanpa faedah, yang mana lebih tinggi, akan dibayar.
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan²	250% daripada BSA atau TPP tanpa faedah, yang mana lebih tinggi, akan dibayar.
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan dalam Pengangkutan Awam² (dengan syarat kematian tersebut berlaku semasa: - menaiki pengangkutan awam (selain daripada teksi, kenderaan sewa dan/atau persendirian, kapal terbang atau kapal laut); atau - di dalam lif elektrik; atau - akibat daripada kebakaran mana-mana hotel bertaraf empat bintang dan ke atas; atau - teater atau panggung wayang.)	350% daripada BSA atau TPP tanpa faedah, yang mana lebih tinggi, akan dibayar.
Perbelanjaan pengebumian (Sekiranya Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia pada Tahun Polisi kedua (ke-2) dan selanjutnya)	5% daripada BSA akan dibayar.

Nota-nota:

¹ Sekiranya Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia pada Tahun Polisi pertama (1) atas sebab bukan kemalangan, liabiliti MCIS Insurance Berhad "MCIS Life" adalah terhad kepada pemulangan premium yang dibayar tanpa faedah.

² Manfaat ini akan dibayar mulai Tahun Polisi Pertama.

³ Polisi ini akan ditamatkan selepas pembayaran penuh manfaat Kematian Akibat Bukan Kemalangan, manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau manfaat Kematian Akibat Kemalangan dalam Pengangkutan Awam.

Pelan ini boleh diperbaharui, sehingga Hayat yang Diinsuranskan berusia 79 tahun (umur pada hari jadi seterusnya) dan perlindungan tamat pada ulang tahun polisi apabila Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur 80 tahun (umur pada hari jadi seterusnya).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium pertama yang perlu anda bayar ialah RM 500.00
Kaedah pembayaran premium yang dipilih ialah Tahunan.

Nota-nota:

- Premium yang perlu anda bayar bergantung kepada umur anda (berdasarkan umur pada hari jadi seterusnya), jantina dan pelan pilihan.
- Amaun premium meningkat mengikut umur anda. Amaun premium tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula premium yang perlu dibayar dengan memberikan notis 90 hari terlebih dahulu. Sebarang perubahan kepada premium akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.
- Rujuk Lampiran 1 (Jadual Premium Tahunan) untuk premium masa depan yang perlu dibayar.
- Pelan ini perlu dibayar sehingga ulang tahun polisi di mana Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur 80 tahun (umur pada hari jadi seterusnya).
- Duti Setem RM10.00 akan dibayar untuk anda oleh MCIS Life.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

15% daripada setiap premium yang terkumpul akan dibayar sebagai komisen kepada ejen jualan sehingga tamat tempoh. Amaun komisen yang akan dibayar untuk tahun pertama ialah RM 75.00

5. Apakah antara terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan** - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti yang diminta di dalam Borang Cadangan, dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang** - anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam masa 15 hari selepas anda menerima polisi. Premium yang telah anda bayar akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh tangguh** - anda diberi 45 hari untuk premium Tahunan dan 30 hari untuk premium Bulanan bagi pembayaran premium. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi akan luput.
- Jumlah Diinsuranskan Asas Maksimum** - Jumlah Diinsuranskan Asas maksimum yang dibenarkan bagi pelan ini ialah RM100,000 bagi setiap hayat, dan permohonan akan ditolak jika keseluruhan Jumlah Diinsuranskan yang dibeli melebihi jumlah tersebut.
- Cukai** - sebarang cukai yang dikenakan (sama ada sedang berkuat kuasa atau dilaksanakan kemudian) pada kadar semasa seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa akan dipindah atau dicajkan apabila perlu.
- Penamaan** - anda dinasihatkan untuk menamakan penama (penama-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama (penama-penama) anda menyedari tentang pelan yang anda telah beli.
- Sekatan atau Aktiviti Haram** - jika anda atau mana-mana individu yang dikaitkan dengan pelan ini terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA) atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, MCIS Life berhak untuk menolak permohonan pelan ini atau menahan atau menamatkan urusan perniagaan termasuk pembayaran tuntutan di bawah pelan ini jika dianggap sesuai dan wajar. MCIS Life tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin atau sebenar yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang langkah yang diambil mengenainya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Sekiranya berlaku kematian akibat bunuh diri, yang berlaku dalam masa tiga belas (13) bulan dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengukuasaan Semula Polisi, yang mana kemudian, sama ada Hayat yang Diinsuranskan siuman atau tidak siuman, liabiliti MCIS Life terhad kepada pemulangan premium yang dibayar tanpa faedah, dan Polisi ini akan tamat selepas itu.
- Polisi ini tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian yang berikut:
 - Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia disebabkan pertarungan atau mencederakan diri-sendiri, tidak kira sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam masa tiga belas (13) bulan dari Tarikh Dikeluarkan Polisi atau Tarikh Pengukuasaan Semula Polisi, yang mana kemudian; atau
 - Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia semasa melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau tindakan yang diambil oleh penguasa undang-undang.Jika berlaku mana-mana kejadian di atas seperti yang disebut dalam perkara 'a' atau 'b', liabiliti MCIS Life akan terhad kepada pemulangan premium yang telah dibayar tanpa faedah, dan Polisi ini akan tamat selepas itu.
- Polisi ini tidak melindungi kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu kejadian berikut:
 - serangan atau pembunuhan; atau
 - rusuhan atau kekacauan awam, mogok atau aktiviti pengganas.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Life. Apabila anda membatalkan polisi anda selepas tempoh bertenang, pembatalan akan berkuat kuasa pada tarikh premium perlu dibayar yang akan datang. Tiada nilai serahan bagi pelan ini. Oleh yang demikian, tiada amaun serahan perlu dibayar oleh MCIS Life apabila anda membatalkan atau menyerahkan polisi sebelum matang.

Pembelian polisi hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang mampu anda bayar.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya / penama saya?

Penting untuk anda / penama (penama-penama) anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada butiran hubungan untuk memastikan semua surat-menjurut sampai kepada anda / penama (penama-penama) anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Hayat'. Anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang persoalan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Apakah pelan serupa lain yang disediakan?

Sila kemukakan pertanyaan kepada wakil berlesen kami untuk jenis pelan serupa lain yang ditawarkan oleh MCIS Life.

NOTA PENTING:

PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada XXXX.

Head Office:
 Wisma MCIS, Jalan Barat,
 46200 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

Postal Office:
 P.O. Box 345, Jalan Sultan,
 46916 Petaling Jaya,
 Selangor Darul Ehsan,
 Malaysia

T +603 7652 3388
 F +603 7957 1562
 E customerservice@mcis.my
 W www.mcis.my

Lampiran 1: Jadual Premium Tahunan

Umur Pada Hari Jadi Seterusnya (ANB)	Pelan 1		Pelan 2		Pelan 3		Pelan 4	
	RM 25,000		RM 50,000		RM 75,000		RM 100,000	
	Lelaki (RM)	Wanita (RM)						
5	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
6	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
7	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
8	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
9	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
10	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
11	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
12	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
13	52.00	48.25	104.00	96.50	156.00	144.75	208.00	193.00
14	57.50	49.50	115.00	99.00	172.50	148.50	230.00	198.00
15	62.50	50.75	125.00	101.50	187.50	152.25	250.00	203.00
16	73.75	54.75	147.50	109.50	221.25	164.25	295.00	219.00
17	106.75	57.50	213.50	115.00	320.25	172.50	427.00	230.00
18	107.75	58.00	215.50	116.00	323.25	174.00	431.00	232.00
19	108.75	58.50	217.50	117.00	326.25	175.50	435.00	234.00
20	110.00	59.25	220.00	118.50	330.00	177.75	440.00	237.00
21	111.00	59.75	222.00	119.50	333.00	179.25	444.00	239.00
22	112.00	60.50	224.00	121.00	336.00	181.50	448.00	242.00
23	113.25	61.00	226.50	122.00	339.75	183.00	453.00	244.00
24	114.25	61.50	228.50	123.00	342.75	184.50	457.00	246.00
25	115.50	62.25	231.00	124.50	346.50	186.75	462.00	249.00
26	117.75	63.50	235.50	127.00	353.25	190.50	471.00	254.00
27	120.25	64.75	240.50	129.50	360.75	194.25	481.00	259.00
28	122.50	66.00	245.00	132.00	367.50	198.00	490.00	264.00
29	125.00	67.25	250.00	134.50	375.00	201.75	500.00	269.00
30	125.00	68.75	250.00	137.50	375.00	206.25	500.00	275.00
31	127.50	70.00	255.00	140.00	382.50	210.00	510.00	280.00
32	130.00	71.50	260.00	143.00	390.00	214.50	520.00	286.00
33	131.50	72.25	263.00	144.50	394.50	216.75	526.00	289.00
34	132.75	73.00	265.50	146.00	398.25	219.00	531.00	292.00
35	134.00	73.50	268.00	147.00	402.00	220.50	536.00	294.00
36	144.75	78.50	289.50	157.00	434.25	235.50	579.00	314.00
37	156.25	83.50	312.50	167.00	468.75	250.50	625.00	334.00
38	168.75	89.00	337.50	178.00	506.25	267.00	675.00	356.00
39	174.00	94.75	348.00	189.50	522.00	284.25	696.00	379.00
40	179.00	100.75	358.00	201.50	537.00	302.25	716.00	403.00
41	205.00	154.75	410.00	309.50	615.00	464.25	820.00	619.00
42	205.00	154.75	410.00	309.50	615.00	464.25	820.00	619.00
43	205.00	154.75	410.00	309.50	615.00	464.25	820.00	619.00
44	205.00	154.75	410.00	309.50	615.00	464.25	820.00	619.00
45	205.00	191.00	410.00	382.00	615.00	573.00	820.00	764.00
46	266.50	191.00	533.00	382.00	799.50	573.00	1,066.00	764.00
47	278.50	191.00	557.00	382.00	835.50	573.00	1,114.00	764.00
48	278.50	191.00	557.00	382.00	835.50	573.00	1,114.00	764.00
49	308.25	191.00	616.50	382.00	924.75	573.00	1,233.00	764.00
50	339.75	209.75	679.50	419.50	1,019.25	629.25	1,359.00	839.00
51	377.75	233.75	755.50	467.50	1,133.25	701.25	1,511.00	935.00
52	419.25	259.00	838.50	518.00	1,257.75	777.00	1,677.00	1,036.00
53	440.25	289.00	880.50	578.00	1,320.75	867.00	1,761.00	1,156.00
54	462.25	319.75	924.50	639.50	1,386.75	959.25	1,849.00	1,279.00
55	485.25	354.50	970.50	709.00	1,455.75	1,063.50	1,941.00	1,418.00
56	611.75	395.50	1,223.50	791.00	1,835.25	1,186.50	2,447.00	1,582.00
57	667.75	441.00	1,335.50	882.00	2,003.25	1,323.00	2,671.00	1,764.00

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Office:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

Lampiran 1: Jadual Premium Tahunan(sambungan)

Umur Pada Hari Jadi Seterusnya (ANB)	Pelan 1		Pelan 2		Pelan 3		Pelan 4	
	RM 25,000		RM 50,000		RM 75,000		RM 100,000	
	Lelaki (RM)	Wanita (RM)						
58	728.50	494.75	1,457.00	989.50	2,185.50	1,484.25	2,914.00	1,979.00
59	842.25	517.00	1,684.50	1,034.00	2,526.75	1,551.00	3,369.00	2,068.00
60	943.75	581.75	1,887.50	1,163.50	2,831.25	1,745.25	3,775.00	2,327.00
61	1,053.50	650.25	2,107.00	1,300.50	3,160.50	1,950.75	4,214.00	2,601.00
62	1,174.25	726.25	2,348.50	1,452.50	3,522.75	2,178.75	4,697.00	2,905.00
63	1,303.50	810.50	2,607.00	1,621.00	3,910.50	2,431.50	5,214.00	3,242.00
64	1,446.00	901.00	2,892.00	1,802.00	4,338.00	2,703.00	5,784.00	3,604.00
65	1,603.00	1,002.75	3,206.00	2,005.50	4,809.00	3,008.25	6,412.00	4,011.00
66	1,796.25	1,128.50	3,592.50	2,257.00	5,388.75	3,385.50	7,185.00	4,514.00
67	2,008.75	1,268.00	4,017.50	2,536.00	6,026.25	3,804.00	8,035.00	5,072.00
68	2,243.50	1,422.25	4,487.00	2,844.50	6,730.50	4,266.75	8,974.00	5,689.00
69	2,503.75	1,595.00	5,007.50	3,190.00	7,511.25	4,785.00	10,015.00	6,380.00
70	2,787.75	1,784.75	5,575.50	3,569.50	8,363.25	5,354.25	11,151.00	7,139.00
71*	3,106.25	1,999.75	6,212.50	3,999.50	9,318.75	5,999.25	12,425.00	7,999.00
72*	3,451.75	2,233.50	6,903.50	4,467.00	10,355.25	6,700.50	13,807.00	8,934.00
73*	3,815.75	2,486.00	7,631.50	4,972.00	11,447.25	7,458.00	15,263.00	9,944.00
74*	4,229.00	2,770.25	8,458.00	5,540.50	12,687.00	8,310.75	16,916.00	11,081.00
75*	4,690.00	3,087.00	9,380.00	6,174.00	14,070.00	9,261.00	18,760.00	12,348.00
76*	5,106.50	3,380.00	10,213.00	6,760.00	15,319.50	10,140.00	20,426.00	13,520.00
77*	5,577.25	3,707.75	11,154.50	7,415.50	16,731.75	11,123.25	22,309.00	14,831.00
78*	6,109.00	4,076.00	12,218.00	8,152.00	18,327.00	12,228.00	24,436.00	16,304.00
79*	6,683.25	4,474.00	13,366.50	8,948.00	20,049.75	13,422.00	26,733.00	17,896.00

*Kadar ini adalah untuk pembaharuan sahaja (untuk umur pada hari jadi seterusnya 71 hingga 79 tahun).

Untuk mendapatkan premium Bulanan, darabkan premium Tahunan dengan 0.09 (Premium bulanan = Premium tahunan X 0.09).

Contoh:

Premium Tahunan: RM 125.00

Premium Bulanan: RM 125.00 X 0.09 = RM 11.25